

Tiada bayaran jika kerja cincai

KOSMO 24/10/2006

KUALA LUMPUR - Jabatan Pengairan dan Saliran tidak akan membuat pembayaran kepada kontraktor melaksanakan kerja-kerja membersihkan parit secara 'cincai' tanpa mengikut spesifikasi yang ditetapkan.

Ketua Pengarah JPS, Datuk Keizrul Abdullah berkata, sampah yang dikorek dari longkang atau parit tidak boleh dilonggokkan di tempat sama.

Kenyataan Keizul itu sebagai mengulas laporan *KOSMO!* Jumaat lalu mengenai keluhan penduduk Kampung Teluk Piah, Kuala Selangor yang terpaksa berhadapan bau busuk dan sampah-sarap daripada parit di hadapan rumah mereka.

Keadaan itu ekoran kerja membersihkan parit yang dilakukan menjelang Aidilfitri sehingga menyebabkan halaman penduduk dikotori sampah.

Kata Keizrul, pihaknya akan menghantar pe-

gawai JPS untuk menjalankan pemeriksaan sebelum bayaran dibuat kepada kontraktor itu sekiranya kerja-kerja berkenaan selesai.

"Kami sentiasa memastikan kontraktor yang telah dilantik memenuhi spesifikasi ditetapkan.

"Mengikut prosedur, mereka (kontraktor terbabit) diarahkan membuang tanah yang dikorek selepas selesai menjalankan kerja-kerja pembersihan di sesuatu lokasi," ujarnya.

Tambahnya, penduduk masih boleh membuat aduan di JPS atau menghantar e-mel kepada pro@water.gov.my sekiranya masalah itu belum dapat diselesaikan.

Sementara itu Pegawai Perhubungan Awam Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS), Mohd. Saad Mahsah memberitahu, pihaknya tidak melakukan sebarang kerja-kerja mengorek parit.